



# BIEM lancar koleksi musim luruh sejuk

...inspirasi gaya zaman kegemilangan wayang gambar

**B**IEM telah melancarkan koleksi Musim Luruh Sejuk terbarunya yang bertemakan "Cinematic Grandeur" yang diinspirasikan dari gaya dan glamor zaman kegemilangan wayang gambar.

Koleksi terbaru ini direka khas untuk mengenangi gaya glamor, mewah dan kehidupan orang yang terkenal seperti mana digambarkan dalam filem 1960-an dan 1970-an dengan kedua-dua dekad tersebut dianggap sebagai zaman kegemilangan wayang gambar.

Keghairahan bercinta di antara jejaka yang berkeyakinan dan gadis glamor diwakili oleh warna berani seperti merah, putih, hijau, ungu, dan biru di

dalam koleksi terbaru ini.

#### Untuk Lelaki

BIEM Homme musim ini menawarkan blok warna menarik pada rekaan kemeja dan baju polo.

Seluar berpotongan ketat dan berwarna terang seperti merah dan putih amat sesuai untuk dipasangkan dengan baju berjulur pelbagai warna direka khas untuk lelaki yang gemarkan fesyen terkini.

Koleksi terbaru ini pasti menghidupkan semula gaya "preppy" 1960-an dan 1970-an dan sesuai untuk warga kota yang mempunyai citarasa fesyen yang tinggi serta gemar menonjolkan gaya tersendiri.

#### Untuk Perempuan

Musim BIEM Wanita terkini direka khusus untuk

mereka yang yakin dan berdikari serta yang inginkan gaya yang penuh glamour seperti dalam filem.

Jaket berwarna ceria dan dress pastel dengan warna berbeza di bahagian pinggang memberikan gaya ala gadis glamor dari filem di era kegemilangan wayang gambar.

BIEM juga menampilkan rangkaian Weekender yang terdiri daripada baju yang memaparkan gaya terkini, skirt dan leggings untuk sentiasa kelihatan bergaya walaupun pada hari-hari yang kasual.

BIEM boleh didapati di semua Outfitters Studio dan pusat membeli-belah terkemuka di Malaysia.

Harga untuk BIEM bermula dari RM79.00 hingga RM399.00.

Sila layari <http://www.facebook.com/myBIEM> untuk keterangan selanjutnya.



**Karnival Ekstravaganza Kemeriah Percutian 2012**

**Pertandingan Mewarna**

Lokasi : Giant Hypermarket, Tabuan Jaya  
Tarikh : 15 Disember 2012 \* Masa : 10.00pagi

\* KELAYAKAN  
Pertandingan ini terbuka kepada kanak-kanak berusia 7 hingga 12 tahun kecuali ahli keluarga terdekat pihak pengurusan.

#### \* SYARAT PENYERTAAN

Untuk menyertai pertandingan ini, peserta dikehendaki memotong EMPAT (4) kepala akhbar Utusan Sarawak atau New Sarawak Tribune dan lengkapkan borang dibawah :

Nama : \_\_\_\_\_

No. MyKid : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

Nama ibu bapa / penjaga : \_\_\_\_\_

No. MyKad : \_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_

\* Hanya borang asal akan diterima.  
Tarikh tutup : 12 Disember 2012

#### \* Hadiah-hadiah

Pemenang akan menerima :

#### Kategori A (7-9 tahun)

- i. Juara : RM1000.00 (Produk Penaja)
- ii. Tempat Kedua : RM800.00 (Produk Penaja)
- iii. Tempat Ketiga : RM500.00 (Produk Penaja)

#### Kategori B (10-12 tahun)

- i. Juara : RM1000.00 (Produk Penaja)
- ii. Tempat Kedua : RM800.00 (Produk Penaja)
- iii. Tempat Ketiga : RM500.00 (Produk Penaja)

Hantarkan penyertaan anda ke :

Karnival Ekstravaganza Kemeriah Percutian 2012  
(Unit Pembangunan Perniagaan)  
New Sarawak Tribune & Utusan Sarawak

Lot 231, Jalan Nipah, Off Jalan Ahli Utara,  
93100 Kuching, Sarawak

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Julianne atau Antoinette (Unit Pembangunan Perniagaan) di talian 082-234155 / 424411

#### \* TERMA DAN SYARAT UMUM

1. Pihak pengurusan berhak untuk membatalkan, menghentikan, mengubah atau menunda sebarang perkara yang berkaitan dengan pertandingan ini termasuklah perkata yang berkaitan dengan penyertaan.
2. Semua penyertaan akan menjadi hak milik pihak pengurusan Pertandingan dan tidak akan dikembalikan. Pihak Utusan Sarawak dan New Sarawak Tribune tidak akan memberikan maklumat yang berkaitan dengan penyertaan peserta. Segala keputusan daripada pihak pengurusan Pertandingan mengenai pertandingan ini adalah mutlak. Pengurusan pertandingan tidak akan melakukan sebarang urusan surat-menyurat dengan mana-mana peserta kecuali dengan peserta yang dipilih dan atas inisiatif pengurusan Pertandingan.
3. Sebarang penyertaan atau keraguan mengenai pertandingan ini boleh dirujuk kepada pihak Utusan Sarawak dan New Sarawak Tribune. Dengan menyertai pertandingan ini, peserta bersetuju untuk terikat dengan syarat pertandingan dan melepaskan semua pihart yang terlibat di dalam pengurusan pertandingan ini daripada sebarang laba yang berkaitan dengan hadiah yang ditawarkan.
4. Semua keputusan oleh pihak pengurusan pertandingan mengenai semua aspek pertandingan ini adalah mutlak. Peraturan ini adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan, wilayah dan perbandaran yang sah.

**Pertandingan Karaoke Remaja**

Lokasi : Giant Hypermarket, Tabuan Jaya  
Tarikh : 15 Disember 2012 \* Masa : 1.00petang

\* KELAYAKAN  
Pertandingan ini terbuka kepada remaja berusia 13 hingga 20 tahun kecuali ahli keluarga terdekat pihak pengurusan.

#### \* SYARAT PENYERTAAN

Untuk menyertai pertandingan ini, peserta dikehendaki memotong EMPAT (4) kepala akhbar Utusan Sarawak atau New Sarawak Tribune dan lengkapkan borang dibawah :

Nama : \_\_\_\_\_

No. MyKad : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_

Tajuk Lagu : \_\_\_\_\_  
\* Peserta dikehendaki menyanyikan satu (1) lagu dan membawa sendiri CD/VCD/DVD/MP3.  
Hanya borang asal akan diterima.

Tarikh tutup : 12 Disember 2012

#### \* Hadiah-hadiah

Pemenang akan menerima :

- i. Juara : RM1000.00 (Produk Penaja)
- ii. Tempat Kedua : RM800.00 (Produk Penaja)
- iii. Tempat Ketiga : RM500.00 (Produk Penaja)

Pengurusan:  
**Utusan Sarawak**  
Penaja:  
**Giants**  
**AmBank** **Yeo's** **SHARP** **HELIX** **PULLMAN**

**ORIS** Swiss Made Watches Since 1904 **PTPL College** **DORMANI Hotel**  
**PUBLC OUTLET** **Nestle FRESH MARKET**